

10/01/2000

Perbezaan bayaran bil kampus cawangan UiTM

PPP Yang Simpati

SEBAGAI salah seorang warga Universiti Teknologi Mara (UiTM), saya berasa bangga apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menobatkan Institut Teknologi Mara sebagai Universiti pada 27 Ogos 1999. Sejak tarikh keramat itu, pelbagai usaha dilakukan oleh pihak pengurusan UiTM bagi memastikan UiTM setaraf dengan universiti yang sudah lama bertapak di Malaysia. Bagaimanapun, tidak dinafikan setiap yang baru pasti ada masalah yang wujud.

Saya berasa bertanggungjawab untuk mendedahkan satu masalah yang masih menghantui Pegawai Pembangunan Pelajar (PPP) di UiTM. Masalah ini pernah dibangkitkan dalam Persidangan Pengurusan Asrama (SPARK) di Universiti Utara Malaysia pada tahun 1998 tetapi sehingga kini belum ada resolusi daripada pihak timbalan-timbalan Naib Canselor Institusi Pengajian Tinggi (IPT) yang terbabit dalam SPARK.

Pada Oktober lalu, saya menghadiri satu kursus di UiTM, Perlis. Kursus itu menumpukan kepada cara menghadapi krisis pengurusan. Sasaran kursus ialah untuk pihak pengurusan kolej dan Pegawai Pembangunan Pelajar (PPP). Sepanjang empat hari berkursus, saya berpeluang mengenali secara lebih dekat PPP dari cawangan UiTM seluruh Malaysia. Saya berminat mengetahui beberapa perkara asas terutama dari segi elaun PPP, pembayaran bil telefon, bil air dan bil elektrik. Daripada perbincangan yang saya sertai, saya terkejut kerana banyak perbezaan antara satu kampus dengan kampus yang lain. Sebagai contoh, PPP di beberapa cawangan UiTM tidak perlu menjelaskan bil elektrik, bil telefon dan bil air tetapi di cawangan tertentu terpaksa membayar bil air, bil elektrik dan bil telefon. Alasan yang diberikan pengurusan UiTM cawangan berkenaan ialah kerana PPP dibayar elaun bertugas berjumlah RM110 atau RM90.

Saya hairan dengan keadaan ini kerana setahu saya, tugas dan tanggungjawab PPP amat berat. Mereka dipertanggungjawabkan untuk membimbing pelajar dengan mewujudkan program peningkatan diri pelajar, kadang kala terpaksa menghantar pelajar sakit ke hospital selepas waktu pejabat, mengadakan lawatan dan rondaan ke bilik pelajar pada setiap malam dan menjalankan tugas yang diarahkan selepas waktu pejabat dari semasa ke semasa. PPP penting kepada pihak pengurusan sesebuah kolej kediaman. Sebagai contoh, merekalah tempat pelajar mengadu selepas waktu pejabat. Mereka juga sering diarahkan menghantar pelajar sakit, demam, kemalangan dan lain-lain lagi ke hospital tidak mengira waktu kerana pegawai-pegawai lain yang tinggal di kolej 'tidak berkelapangan' atau 'tidak sudi' langsung berbuat demikian atas alasan mereka tidak menerima elaun seperti yang dinikmati oleh PPP. Justeru, saya berasakan pembayaran elaun RM110 atau RM90 itu adalah 'sangat berbaloi' dengan tanggungjawab yang dijalankan, bukannya digunakan untuk membayar bil air, bil elektrik dan bil telefon.

Pada kesempatan ini, saya ingin menyarankan beberapa cadangan kepada masalah ini untuk rujukan dan tindakan pihak berkenaan.

Elaun PPP dikekalkan pada RM110 dan RM90 dan PPP tidak perlu menjelaskan bil elektrik, bil air dan bil telefon seperti yang dimalkan di beberapa cawangan UiTM atau elaun PPP dikekalkan pada RM110 dan RM90 dan mereka dikenakan bayaran semua bil sebanyak RM50 sebulan secara keseluruhan seperti yang dimalkan di UiTM Kelantan.

Justeru itu, saya berharap Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dapat mengenal pasti masalah ini. Sebagai sebuah IPTA yang dinaik taraf

kepada universiti, UiTM sepatutnya mempunyai suatu garis panduan yang sama bagi semua cawangan berkenaan peraturan dan etika kerja serta pembayaran elaun kepada PPPnya. Saya mengutarakan masalah ini kerana saya dapat berasakan bahawa PPP di cawangan yang terpaksa menjelaskan bermacam-macam bil itu sudah tentu ingin menikmati sama apa yang dinikmati oleh rakan-rakan PPP di cawangan yang tidak perlu berbuat demikian.

Saya berharap agar pihak pengurusan UiTM dapat mengkaji semula peraturan dan garis panduan Pegawai Pembangunan Pelajar ini supaya semua PPP berasakan yang khidmat mereka selama ini diiktiraf oleh pengurusan.